

27/10/2003

Abdullah rangka formula agih kerusi pilihan raya

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan turut mengambil alih jawatan Pengerusi Barisan Nasional (BN) mulai Jumaat ini, akan merangka formula tertentu bagi mengagihkan kerusi di kalangan parti komponen.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini termasuk kemungkinan berlaku pertukaran kerusi untuk ditandingi oleh parti komponen BN, tetapi keputusan muktamad mengenainya akan dibuat setelah perbincangan diadakan termasuk bagi 25 kerusi Parlimen yang baru.

Namun, beliau memberi jaminan bahawa pengagihan kerusi nanti akan dibuat secara adil dan saksama seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagaimana yang dikatakan Perdana Menteri, sikap kita dalam hal ini mengambil kira sikap adil dan saksama. Kita mahu supaya keputusan yang diambil itu diterima semua. Kita buat formula untuk pengagihan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri upacara perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) oleh Dr Mahathir di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Abdullah berkata, buat masa ini belum ada perbincangan rasmi mengenai soal pengagihan kerusi tetapi ia nanti akan turut mengambil kira kerusi baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Nanti kita akan bincangkan, nantilah saya buat keputusan. Kita tunggu bila masa yang sesuai keputusan itu akan dibuat," katanya.

Ditanya mengenai tarikh sesuai untuk mengadakan pilihan raya umum ke-10 akan datang, Abdullah sebaliknya berkata: "Anda semua nampaknya tanya soalan spekulatif."

Mengenai agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Khamis ini, beliau

yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, masa yang lebih banyak akan diberi kepada Dr Mahathir untuk bercakap pada masa itu nanti.

"Kita beri masa lebih kepada Dr Mahathir untuk bercakap apa juga yang hendak diberikan, nasihat, beri pandangan mengenai masa depan Umno, mengenai kedudukan Umno dan apa juga nasihat daripada seorang pemimpin yang mempunyai 22 tahun pengalaman menjadi presiden parti, pengerusi BN dan Perdana Menteri.

"Sudah tentu pandangannya sangat dihargai. Itu pun terpulanglah kepada Dr Mahathir sendiri. Jika beliau nak beri (pandangan), kita amat gembira untuk mendengar pandangannya itu," katanya.

Katanya, selain memberi masa panjang kepada Dr Mahathir, mesyuarat itu nanti juga akan mendengar laporan jawatankuasa pengurusan Umno mengenai pelbagai perkara termasuk soal penubuhan jawatankuasa penaja Umno di semua

190 bahagian.

Beliau berkata, Umno juga bercadang untuk mengadakan satu majlis

jamuan

`terima kasih' kepada Dr Mahathir selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.